

**KOPERASI JIMAT CERMAT DAN PINJAMAN MERCANTILE BERHAD**  
**ATURAN-ATURAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI PINJAMAN/PEMBIAYAAN**

---

**1. Tajuk**

- 1.1 Aturan-Aturan ini dinamakan "Aturan-aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Pinjaman/Pembayaran Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad.
- 1.2 Aturan-aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 8 (3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

**2. Tafsiran**

Di dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain;

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"anggota" seseorang yang telah diterima menjadi anggota Koperasi ini dan yang telah memenuhi kehendak undang-undang kecil 15(1);

"Aturan" ertinya sesuatu peruntukan dalam Aturan-Aturan;

"Aturan-Aturan" ertinya Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Pinjaman/Pembayaran Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"gantirugi Ta'wid" ertinya faedah denda di bawah Prinsip Syariah

"Ketua Pendaftar" ertinya Ketua Pendaftar Koperasi yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta dan termasuk mana-mana Pendaftar apabila menjalankan kuasa-kuasa Ketua Pendaftar sebagaimana yang dianugerahkan kepadanya di bawah seksyen tersebut;

"keuntungan" ertinya perbezaan diantara harga jualan dengan harga belian dalam urus niaga jualbeli pembayaran kepada anggota secara prinsip syariah

"Koperasi" atau "Koperasi ini" ertinya Koperasi Jimat Cermat Dan Pinjaman Mercantile Berhad;

"Lembaga" ertinya badan pengelola Koperasi ini yang padanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan sebagaimana yang ditakrifkan dibawah seksyen 2 Akta, dan dibentuk menurut undang-undang kecil 35(1) serta tertakluk kepada undang-undang kecil 33 dan 37;

*pindaan  
MAPT250606*

*pindaan  
MAPT250606*

pindaan  
MAPK240705

"majikan" ertinya Ketua Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Syarikat-Syarikat Kerajaan dan Swasta;

dimansuhkan  
MAPK240705

"mercantile"

"mesyuarat agung perwakilan" ertinya mesyuarat agung perwakilan tahunan atau mesyuarat agung perwakilan khas Koperasi ini seperti diperuntukkan dalam undang-undang kecil 24;

"pegawai" ertinya pengurus, setiausaha, bendahari atau mana-mana anggota lain Lembaga dan termasuklah mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Peraturan atau undang-undang kecil untuk memberi arahan-arahan berkenaan dengan urusan Koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan dibawah sekysen 2 Akta;

pindaan  
MAPT250606

"pembiayaan" ertinya pinjaman iaitu satu pemberian apa-apa kemudahan kredit kepada anggota tetapi mengikut prinsip syariah;

pindaan  
MAPK240705

"pemohon" ertinya seorang anggota Koperasi ini yang telah membuat permohonan serta telah menjadi "peminjam" sesuatu pinjaman/pembiayaan;

"penjamin" ertinya seorang anggota Koperasi ini yang bersedia menjamin sebarang pinjaman/pembiayaan Koperasi ini dan menandatangani perjanjian penjamin dan "pengganti penjamin" hendaklah diberi makna yang sama;

"Peraturan" ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 yang dibuat dibawah Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari masa ke semasa;

"undang-undang kecil" ertinya undang-undang kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang sesuatu pindaan berdaftar kepadanya.

"yuran terkumpul" ertinya jumlah yuran dibawah undang-undang kecil 56 yang telah disumbangkan oleh anggota pada sesuatu tarikh tertentu.

Perkataan-perkataan yang bererti tunggal atau jamak, masing-masing hendaklah meliputi tunggal atau jamak, dan perkataan yang bererti jenis lelaki hendaklah meliputi jenis perempuan.

### 3. Tujuan

Tujuan Aturan ini diwujudkan ialah untuk merancang segala aktiviti yang berkaitan dengan pinjaman /pembiayaan, menjalankan aktiviti pinjaman/pembiayaan dengan sempurna, dan mengawal perjalanan aktiviti ini.

### 4. Sumber Wang Untuk Aktiviti Pinjaman/Pembiayaan

4.1 Tertakluk kepada undang-undang kecil 54(2), sumber wang bagi melaksanakan pinjaman/pembiayaan ini boleh diperolehi dari Kumpulan wang Koperasi seperti dalam undang-undang kecil 54(1).

- 4.2 Perlaksanakan aktiviti pinjaman/pembiayaan Koperasi ini adalah tertakluk kepada keupayaan Kumpulan wang Koperasi ini dan Lembaga berkewajipan untuk memastikan pada satu-satu ketika bahawa peruntukan bagi pinjaman/pembiayaan adalah dalam kadar yang berpatutan dengan Kumpulan wang Koperasi pada masa itu;
- 4.3 Lembaga diberi kuasa dengan khusus untuk membuat peruntukan atau menambah atau mengurangkan peruntukan bagi mana-mana suatu atau semua jenis pinjaman/pembiayaan di bawah Aturan ini;
- 4.4 Lembaga adalah dengan ini diberi kuasa dengan khususnya, apabila permintaan pinjaman/pembiayaan melebihi peruntukan, menambah sumber operasi aktiviti ini:
  - 4.4.1 melalui pinjaman/ overdraft dari bank atau institusi kewangan yang lain (tertakluk kepada kuasa had setinggi-tinggi hutang yang diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan dibawah undang-undang kecil 62);
  - 4.4.2 menyediakan bagi anggota, pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dari pihak ketiga (termasuk bank dan institusi kewangan yang lain) dengan atau tanpa cagaran dari, atau bersama dengan pihak ketiga itu dan, jika perlu, menjaminkan pinjaman/pembiayaan sedemikian dan kutipannya bagi koperasi berdaftar atau gabungan atau kumpulan Koperasi berkenaan.
  - 4.4.3 Menyediakan bagi anggota, pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi dengan atau tanpa cagaran dari atau bersama dengan, mana-mana Koperasi berdaftar atau gabungan serta kumpulan koperasi berdaftar dan, jika perlu, menjaminkan pinjaman/pembiayaan sedemikian dan kutipannya bagi koperasi berdaftar atau gabungan atau kumpulan koperasi berkenaan.
- 4.5 Lembaga boleh menambah peruntukan pinjaman/pembiayaan dengan serah hak pinjaman/pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada mana-mana pihak tanpa sebarang rujukan kepada peminjam/pemohon atau penjaminnya.

## **5. Jenis Pinjaman/Pembiayaan**

- 5.1 Jenis pinjaman/pembiayaan dibahagikan kepada dua pinjaman/pembiayaan yang dibiayai dari Kumpulan Koperasi ini dan pinjaman/pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi dari, dan dibiayai, oleh pihak ketiga.
- 5.2 Jenis pinjaman/pembiayaan yang dibiayai oleh Kumpulan wang Koperasi ini adalah diwujud di bawah Aturan tertentu yang juga memerihalkannya seperti berikut:
  - 5.2.1 Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi yang diwujud di bawah

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.2 Pinjaman 80%/Pembiayaan 80% yang diwujud di bawah Aturan 39.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.3 Aturan Pinjaman Membeli Peralatan Rumah/Pembiayaan Membeli Peralatan Rumah yang diwujud di bawah Aturan 40.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.4 Pinjaman Khas/Pembiayaan Khas yang diwujud di bawah Aturan 41.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.5 Pinjaman Kecemasan/Pembiayaan Kecemasan yang diwujud di bawah Aturan 42.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.6 Pinjaman Pendidikan Sekolah Menengah/Pembiayaan Pendidikan Sekolah Menengah yang diwujud di bawah Aturan 43.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.2.7 Pinjaman Pendidikan Selepas Sekolah Menengah/Pembiayaan Selepas Sekolah Menengah yang diwujud di bawah Aturan 44.

*pindaan  
MAPT250606*

- 5.2.8 Pinjaman / Pembiayaan Perlindungan Insurans dan Cukai Jalan Kenderaan

- 5.3 Bagi setiap jenis pinjaman/pembiayaan yang dibiayai dari Kumpulan wang Koperasi peruntukan Aturan-Aturan ini hendaklah dipakai tertakluk kepada sebarang peruntukan sebaliknya yang terkandung dalam Aturan yang mewujud dan perihalkannya.

*pindaan  
MAPK240705*

- 5.4 Kini pinjaman/pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi dari, dan dibiayai, oleh pihak ketiga terdiri Pinjaman Peribadi Tanpa Cagaran/Pembiayaan Peribadi Tanpa Cagaran. Pinjaman/Pembiayaan tersebut adalah tertakluk kepada hanya peruntukan dalam Aturan 45 sahaja.

## 6. Kelayakan Untuk Memohon Pinjaman/Pembiayaan

Selaras dengan peruntukkan undang-undang kecil 15(1), hanya anggota yang telah menjelaskan

- 6.1 Yuran masuk yang ditetapkan dibawah undang-undang kecil 12;

*pindaan  
MAPK240705*

- 6.2 Yuran bulanan sekurang-kurangnya tiga bulan;

*pindaan  
MAPK240705*

- 6.3 Bayaran penuh sekurang-kurangnya lima puluh ringgit syer dalam tempoh tiga bulan adalah layak untuk memohon pinjaman-pinjaman/pembiayaan-pembiayaan Koperasi ini.

*pindaan  
MAPK240705*

Disyaratkan bahawa mana-mana anggota boleh, pada bila-bila masa, menjelaskan sekali gus, yuran bulanan tiga bulan atau bayaran penuh lima puluh ringgit syer atau kedua-duanya bagi tujuan melayakkan diri untuk memohon mana-mana pinjaman/pembiayaan Koperasi ini.

Disyaratkan lagi, anggota baru boleh, dengan persetujuan Lembaga, menjelaskan bayaran yuran bulanan tiga bulan dan/atau bayaran lima puluh syer dengan membenarkan Koperasi memotong dari jumlah pinjaman/pembayaran yang diluluskan bagi tujuan pinjaman/pembayaran.

## 7. Had Maksima Potongan Bayaran Balik Pinjaman/Pembayaran Dan Sebagainya Dari Gaji Bulanan Anggota

- 7.1 Jumlah keseluruhan potongan dari gaji bulanan pemohon pinjaman/pembayaran termasuk yuran, bayaran balik segala pinjaman (termasuk pinjaman/pembayaran yang dipohon) kepada Koperasi ini serta kepada majikan dan pihak-pihak lain hendaklah tidak melebihi lima puluh peratus (50%) gaji tetap (termasuk elaun tetap) anggota yang bergaji bulanan sehingga Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus sahaja (RM1500/-) tertakluk kepada tambahan jumlah potongan sebanyak 25% lagi di mana ianya untuk membayar balik pinjaman perumahan.
- 7.2 Jumlah keseluruhan potongan gaji bulanan pemohon pinjaman/pembayaran termasuk yuran, bayaran balik segala pinjaman (termasuk pinjaman/pembayaran yang dipohon) kepada Koperasi ini serta kepada majikan dan pihak-pihak lain hendaklah tidak melebihi enam puluh peratus (60%) gaji tetap (termasuk elaun tetap) anggota yang gaji bulanannya melebihi Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus sahaja (RM1500/-) tertakluk kepada tambahan jumlah potongan sebanyak 15% lagi di mana ianya untuk membayar balik pinjaman perumahan.
- 7.3 Jumlah keseluruhan potongan gaji bagi pemohon pinjaman/pembayaran oleh kakitangan kerajaan dan badan berkanun adalah tidak melebihi 60%.
- 7.4 Peminjam/Pemohon tidak boleh memohon, tanpa persetujuan bertulis dari Koperasi ini, sebarang pendahuluan gaji atau pinjaman dari majikannya (pinjaman hari perayaan agama dan sebagainya) atau sebarang pinjaman lain yang bayaran baliknya diuruskan melalui potongan gaji sehingga pinjaman yang dipohon ini (termasuk faedah) telah dijelaskan dengan sepenuhnya. Pinjaman/pembayaran atau baki pinjaman/pembayaran boleh ditarik balik dengan serta merta jika peminjam/pemohon melanggar peruntukan ini.
- 7.5 Pemohon hendaklah mengemukakan pengesahan gaji bulanan dan elaun tetap khususnya jika gaji pemohon yang dinyata dalam permohonan berbeza dengan gajinya dalam rekod Koperasi.

## 8. Tabung Perlindungan Pinjaman/Pembayaran

**8.1 Satu Tabung Perlindungan Pinjaman/Tabung Perlindungan Pembiayaan**

hendaklah diadakan bagi memelihara kepentingan semua anggota yang menjadi penjamin kepada mana-mana peminjam/pemohon lain dan hendaklah digunakan bagi menjelaskan dengan sepenuhnya baki pinjaman/pembiayaan mana-mana peminjam/pemohon di mana keanggotaannya dalam Koperasi ini terhenti disebabkan kematian dengan syarat:

- 8.1.1 Salinan Sijil Kematian Peminjam/Pemohon yang diakui sah diserah kepada Koperasi;
  - 8.1.2 Kematian anggota bukanlah kerana bunuh diri;
  - 8.1.3 Lembaga berhak menetapkan penjamin atau penjamin-penjamin bagi sesuatu pinjaman/pembiayaan membayar sebahagian atau mana-mana bahagian baki pinjaman/pembiayaan berkenaan jika wang tabung ini tidak mencukupi untuk menjelaskan jumlah tanggungan peminjam/pemohon atau jika sekiranya dijangkakan penggunaan wang tabung ini akan mengakibatkan kekurangan peruntukan kasar tabung ini.
  - 8.1.4 Tabung Perlindungan Pinjaman/Tabung Perlindungan Pembiayaan ini boleh digunakan untuk pinjaman peribadi tanpa cagara/pembiayaan peribadi tanpa cagaran atau sebarang pinjaman/pembiayaan lain yang dibekalkan oleh mana-mana pihak ketiga.
- 8.2 Lembaga hendaklah mengenakan bayaran seperti yang dinyatakan di bawah kepada peminjam/pemohon yang memperolehi pinjaman berjamin/ pembiayaan berjamin bagi tujuan Tabung Perlindungan Pinjaman/Tabung Perlindungan Pembiayaan ini.
- |   |
|---|
| RM500.00 hingga RM2,000.00 - RM20.00      |
| RM2,100.00 hingga RM5,000.00 - RM50.00    |
| RM5,100.00 hingga RM8,000.00 - RM80.00    |
| RM8,100.00 hingga RM10,000.00 - RM100.00  |
| RM10,100.00 hingga RM12,000.00 - RM120.00 |
| RM12,100.00 hingga RM15,000.00 - RM150.00 |
| RM15,100.00 hingga RM20,000.00 – RM200.00 |
- 8.3 Wang yang terkumpul untuk Tabung Perlindungan Pinjaman/Tabung Perlindungan Pembiayaan ini mestilah disimpan di dalam akaun bank yang berasingan.
- 8.4 Kegunaan wang Tabung Perlindungan Pinjaman/Tabung Perlindungan Pembiayaan untuk tujuan selain dari yang ditetapkan dalam Aturan 8.1 di atas hendaklah terlebih dahulu dipersetujui oleh mesyuarat agung perwakilan.

## 9. Jaminan

- 9.1 Sehingga Koperasi dapat menyediakan skim perlindungan insuran pinjaman/skim perlindungan insuran pembiayaan dan/atau bank

guarantee, pemohon hendaklah mengemukakan sebilangan anggota yang mencukupi untuk menjamin bayaran balik pinjaman/pembiayaan dengan faedahnya/keuntungannya yang dapat diterima oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, bagi anggota-anggota yang potongan yuran dan bayaran balik pinjaman/pembiayaan melalui ANGKASA dikecualikan dari peruntukan ini.

- 9.2 Seorang anggota boleh bertindak sebagai penjamin iaitu menjamin sesuatu pinjaman/pembiayaan selagi tanggungannya kepada Koperasi sebagai peminjam/pemohon atau penjamin tidak melebihi sepuluh kali gaji bulanan dicampur dengan yuran terkumpulnya.
- 9.3 Pada menentukan tanggungan anggota sebagai penjamin setiap penjamin hendaklah dianggap sebagai menjamin kesemua pinjaman/pembiayaan yang dijaminkannya walaupun ada lebih daripada satu penjamin bagi pinjaman/pembiayaan berkenaan.

## 10. Pinjaman Tanpa Penjamin/Pembiayaan Tanpa Penjamin

- 10.1 Jika Koperasi tidak dapat menyediakan skim perlindungan insurans pinjaman/skim perlindungan insuran pembiayaan, tanpa menghiraukan mana-mana peruntukan Aturan-Aturan ini, Lembaga diberi kuasa untuk meluluskan pinjaman/pembiayaan tanpa jamin kepada pemohon pinjaman/ pembiayaan yang menghadapi masalah mendapatkan penjamin tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

10.1.1 Pemohon bersetuju 15% jumlah pinjaman/pembiayaan yang diluluskan kepada Koperasi (selepas ini disebut sebagai "wang jaminan" untuk menjamin bahawa dia akan menjelaskan setiap ansuran bulanan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) seperti dijadualkan dan pada tempoh pinjaman/pembiayaan yang ditentukan.

10.1.2 Koperasi akan memulangkan kembali kepada peminjam/pemohon, tanpa faedah/keuntungan, dua pertiga dari wang jaminan pada akhir tempoh pinjamannya/pembiayaannya jika dia telah menjelaskan semua ansuran bayaran balik (termasuk faedah/keuntungan) pada tarikh yang ditetapkan baginya.

10.1.3 Semasa pinjaman tanpa penjamin/pembiayaan tanpa penjamin berjalan, tiada sebarang penangguhan ansuran bayaran baliknya dibenarkan.

10.2 Pada menjalankan kuasa dibawah Aturan ini, Lembaga hendaklah sentiasa mengutamakan kepentingan Koperasi.

## **11. Permohonan Pinjaman/Pembiayaan**

Sesuatu permohonan pinjaman/pembiayaan hendaklah dibuat dalam borang

permohonan rasmi yang ditentukan bagi pinjaman/pembiayaan berkenaan. Borang permohonan boleh didapati dengan percuma dan hendaklah dikemukakan ke pejabat Koperasi atau cawangannya.

## **12. Bayaran Proses Permohonan**

*pindaan  
MAPK240705*

Pemohon untuk mana-mana pinjaman/pembiayaan hendaklah membayar proses permohonan mengikut kadar pinjaman/pembiayaan seperti yang dinyatakan di bawah tertakluk kepada had maksima Ringgit Dua Ratus (RM200.00). Bayaran proses ini boleh dipotong dari jumlah pinjaman/pembiayaan yang diluluskan.

RM1,000.00 - RM10.00
RM2,000.00 - RM20.00
RM3,000.00 - RM30.00
RM4,000.00 - RM40.00
RM5,000.00 - RM50.00
RM6,000.00 - RM60.00
RM7,000.00 - RM70.00
RM8,000.00 - RM80.00
RM9,000.00 - RM90.00
RM10,000.00 - RM100.00
RM11,000.00 - RM110.00
RM12,000.00 - RM120.00
RM13,000.00 - RM130.00
RM14,000.00 - RM140.00
RM15,000.00 - RM150.00
RM16,000.00 - RM160.00
RM17,000.00 - RM170.00
RM18,000.00 - RM180.00
RM19,000.00 - RM190.00
RM20,000.00 - RM200.00

## **13. Kuasa Menguruskan Permohonan Pinjaman/Pembiayaan**

Lembaga adalah khususnya diberi kuasa untuk menguruskan mana-mana permohonan pinjaman/pembiayaan. Pada menjalan kuasa ini Lembaga boleh, mengikut budibicaranya, melantik satu atau lebih anggotanya untuk menimbang, melulus, menghadkan jumlah pinjaman/pembiayaan atau menolak permohonan pinjaman/pembiayaan berdasarkan Aturan-Aturan ini dan/atau lunas-lunas yang ditetapkan oleh Lembaga.

#### **14. Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan Secara Ansuran Bulanan**

Pinjaman/Pembiayaan iaitu pokok pinjaman/Pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya hendaklah dibayar balik secara ansuran bulanan yang sama banyak dalam tempoh pinjaman/pembiayaan berkenaan.

#### **15. Cara Bayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan**

- 15.1 Selaras dengan undang-undang Kecil 56 (2), kesemua ansuran bayaran balik pinjaman/pembiayaan bulanan termasuk faedah/keuntungan ("ansuran bulanan") hendaklah dibuat oleh majikan peminjam/pemohon melalui potongan gaji peminjam/pemohon berkenaan.
- 15.2 Pemohon pinjaman/pembiayaan hendaklah memberi kuasa kepada Koperasi ini untuk menguruskan bayaran ansuran tersebut menerusi potongan gaji sebelum gaji tersebut dibayar kepadanya.
- 15.3 Pemohon pinjaman/pembiayaan hendaklah memberi kuasa kepada majikannya melakukan potongan dari gaji bulanannya terhadap ansuran bulanan ("potongan tersebut") sehingga pinjaman/pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya dijelaskan dengan sepenuhnya ("kuasa menjalankan potongan tersebut"), dan majikan hendaklah bersetuju membayar potongan tersebut kepada Koperasi di atas nama Koperasi.
- 15.4 Peminjam/pemohon bersetuju bahawa dalam melakukan potongan tersebut dan memajukannya kepada Koperasi, majikan berkenaan adalah bertindak sebagai ejen peminjam/pemohon.
- 15.5 Peminjam/pemohon tidak boleh tarik balik kuasa menjalankan potongan tersebut melainkan dengan kebenaran secara bertulis daripada Koperasi ini.
- 15.6 Jika peminjam/pemohon, tanpa terlebih dahulu memperolehi persetujuan bertulis dari Koperasi ini, tarik balik kuasa menjalankan potongan tersebut sebelum pokok pinjaman/pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya dijelaskan dengan sepenuhnya. Koperasi ini boleh mendapatkan perintah mahkamah supaya memerintah peminjam/pemohon mengeluarkan kepada majikannya satu lagi kuasa untuk menjalankan potongan tersebut sehingga pokok pinjaman/pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya dijelaskan dengan sepenuhnya ("perintah mahkamah tersebut"). Dan Koperasi ini boleh, dalam perintah mahkamah tersebut, mendapatkan dari peminjam/pemohon segala perbelanjaan sebenar (kos perkhidmatan peguam, surat menyurat, pengangkutan, dan sebagainya) yang ditanggung oleh Koperasi ini dalam mendapatkan perintah mahkamah tersebut, Peruntukan ini adalah tambahan dan bukan sebagai ganti sebarang peruntukan yang termaktub dalam Aturan ini.

- 15.7 Koperasi boleh menyediakan borang tertentu untuk peminjam/pemohon memberi kuasa kepada majikannya kuasa menjalankan potongan tersebut dan untuk majikan menerima kuasa tersebut serta mengesahkan bahawa majikan akan melakukan dan memajukan potongan tersebut kepada Koperasi.
- 15.8 Aturan 21.1.6 tidak akan dikenakan ke atas peminjam/pemohon yang majikannya enggan meneruskan potongan tersebut jika dia mencadangkan cara membayar balik ansuran bulanan yang diterima oleh Lembaga.

## 16. Faedah/keuntungan ke atas Pinjaman/Pembiayaan

- 16.1 Melainkan diperuntukkan sebaliknya berkaitan dengan sesuatu jenis pinjaman/pembiayaan tertentu, kadar faedah/keuntungan ke atas pokok pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan hendaklah dikira secara berterusan ("flat rate").
- 16.2 Kadar faedah/keuntungan ke atas pinjaman/pembiayaan kepada anggota boleh ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa, terakluk kepada syarat bahawa pindaan kadar faedah/keuntungan ini tidak boleh melebihi dua kali dalam tahun kewangan Koperasi ini dan perubahan faedah/keuntungan tidak dilanjutkan kepada pinjaman/pembiayaan yang telah dikeluarkan pada tarikh perubahan faedah/keuntungan itu dikuatkuasakan.
- 16.3 Kadar serta cara mengira faedah/keuntungan ke atas pinjaman/pembiayaan kepada anggota boleh ditentukan oleh Lembaga dari masa ke semasa dengan mengambil kira faedah/keuntungan serta cara mengiranya yang diamalkan oleh institusi-institusi kewangan.
- 16.4 Lembaga boleh, mengikut budibicaranya, tentukan kadar faedah/keuntungan yang minima atas pinjaman kecemasan/pembiayaan kecemasan.
- 16.5 Lembaga boleh, mengikut budibicaranya, tentukan faedah/keuntungan atas pinjaman pendidikan/pembiayaan pendidikan di kadar yang lebih rendah dari kadar faedah/keuntungan yang dikenakan ke atas pinjaman peribadi/pembiayaan peribadi.
- 16.6 Dalam menghitung faedah/keuntungan atas pinjaman/pembiayaan pecahan dalam sebulan hendaklah dihitung sebagai genap sebulan.
- 16.7 Dalam semua jenis pinjaman/pembiayaan, faedah/keuntungan akan dikenakan mengikut Rule 78 daripada baki faedah/keuntungan yang belum dituntut jika sekiranya pinjaman/pembiayaan dijelaskan sebelum genap tempohnya.

## 17. Faedah Pendahuluan/Sekuriti Deposit

Setiap pinjaman/pembiayaan adalah tertakluk kepada bayaran faedah pendahuluan/sekuriti deposit seperti berikut:

- 17.1 Faedah pendahuluan akan dikira di atas kadar faedah yang dikenakan kepada pinjaman berkenaan manakala sekuriti deposit dikira di atas kadar keuntungan yang dikenakan kepada pembiayaan berkenaan beserta ansuran pokok pembiayaan.
- 17.2 Peminjam/Pemohon hendaklah bayar **dua bulan ansuran bulanan sebagai sekuriti deposit** Bagi pinjaman/pembiayaan kecemasan dan pinjaman/pembiayaan pendidikan rendah faedah pendahuluan / sekuriti deposit yang dikenakan adalah setengah bulan.
- 17.3 Koperasi ini boleh memotong jumlah faedah pendahuluan/sekuriti deposit dari pinjaman/pembiayaan sebelum ianya dibayar kepada peminjam/pemohon.
- 17.4 Sebarang faedah/keuntungan yang terlebih dipotong tidak akan dipulang kembali kepada peminjam/pemohon secara tunai tetapi akan digunakan untuk mengubahsuai ansuran bulanan balik pinjaman/pembiayaan atau tempoh pinjaman/pembiayaan.

## 18. Faedah Denda / Gantirugi (Ta'waid)

- 18.1 Faedah Denda Bagi Pinjaman Konvensional

18.1.1 Jika terdapat kecuaian pembayaran ansuran pokok pinjaman atau faedahnya, faedah denda dengan kadar 13% setahun dikira secara berterusan (flat rate) akan dikenakan ke atas tunggakan berkenaan sehingga pinjaman tersebut dijelaskan, sekiranya pinjaman tersebut gagal dijelaskan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Formula pengiraan faedah denda dan ilustrasi adalah seperti di bawah :

### Ilustrasi

Jumlah pinjaman diambil	RM12,000.00
Jumlah faedah	RM3,900.00
Tempoh pembayaran balik	60 bulan
Kadar faedah	6.5%
Kadar faedah tunggakan	13%
Ansuran pokok sebulan	RM200.00
Ansuran faedah sebulan	RM65.00

*Nota : Pinjaman di atas telah tertunggak selama tiga bulan, tetapi pinjaman tersebut **tidak ditarik balik***

Formula :

**(Ansuran pokok + Ansuran faedah) x 13% setahun x bilangan bulan yang tidak dijelaskan secara 'compounding'**

Contoh :

Tunggakan faedah bagi bulan pertama yang tidak dijelaskan :

$$= (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) \times 13\% \times 1/12 = \text{RM}2.87$$

Tunggakan faedah bagi bulan pertama yang tidak dijelaskan selama dua bulan :

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) + \text{RM}2.87 \times 13\% \times 1/12 \\ &= \text{RM}2.90 \end{aligned}$$

Tunggakan faedah bagi bulan pertama yang tidak dijelaskan selama tiga bulan :

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) + \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90 \times 13\% \times \\ &\quad 1/12 \\ &= \text{RM}2.93 \end{aligned}$$

Jumlah faedah yang dikenakan bagi ansuran pertama yang tertunggak selama tiga bulan :

$$= \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90 + \text{RM}2.93 = \text{RM}8.70$$

Oleh itu, jumlah perlu dibayar bagi ansuran pertama yang tertunggak:

$$= \text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}8.70 = \text{RM}273.70$$

Jumlah faedah yang dikenakan bagi ansuran kedua yang tertunggak selama dua bulan :

$$= \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90 = \text{RM}5.77$$

Jumlah perlu dibayar bagi ansuran kedua yang tertunggak :

$$= \text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}5.77 = \text{RM}270.77$$

Jumlah faedah yang dikenakan bagi ansuran ketiga yang tertunggak selama satu bulan :

$$= \text{RM}2.87$$

Jumlah perlu dibayar bagi ansuran ketiga yang tertunggak :

$$= \text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}2.87 = \text{RM}267.87$$

Maka, jumlah penuh perlu dibayar untuk menjelaskan tiga bulan ansuran tertunggak termasuk faedah denda :

$$= \text{RM}273.70 + \text{RM}270.77 + \text{RM}267.87 = \text{RM}811.94$$

18.1.2 Sekiranya pinjaman yang tertunggak **ditarik balik**, kadar faedah adalah seperti berikut :

Formula :

**Jumlah Baki Pinjaman + Jumlah Baki Faedah + Faedah Tertunggak Secara 'Compounding'**

Contoh :

Berdasarkan kepada contoh di atas, adalah diandaikan bahawa peminjam tidak pernah membayar ansurannya semenjak pinjaman diperolehi, maka jumlah yang perlu di bayar adalah seperti berikut :

$$= \text{RM}12,000.00 + \text{RM}3,900.00 + \text{RM}17.67\# = \text{RM}15,917.67$$

# Pengiraan faedah tertunggak secara 'Compounding' adalah seperti berikut :-

$$\text{Bulan 1. } (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) * 13\% * 1/12 = \text{RM}2.87$$

$$\begin{aligned} \text{Bulan 2. } & (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}2.87) * 13\% * 1/12 \\ & = \text{RM}2.90 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bulan 3. } & (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90) * 13\% \\ & * 1/12 = \text{RM}2.93 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bulan 4. } & (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90 + \text{RM}2.93) \\ & * 13\% * 1/12 = \text{RM}2.96 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Bulan 5. } & (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00 + \text{RM}2.87 + \text{RM}2.90 + \text{RM}2.93 + \\ & \text{RM}2.96) * 13\% * 1/12 = \text{RM}2.99 \end{aligned}$$

$$\text{Bulan 6. } (RM200.00 + RM65.00 + RM2.87 + RM2.90 + RM2.93 + RM2.96 + RM2.99) * 13\% * 1/12 = RM3.02$$

Oleh itu, jumlah faedah tertunggak untuk enam bulan adalah :

$$RM2.87 + RM2.90 + RM2.93 + RM2.96 + RM2.99 + RM3.02 = RM17.67$$

## 18.2 Gantirugi (ta'waid) Bagi Pembiayaan Di Bawah Prinsip Bai 'Al Inah

18.2.1 Jika terdapat kecuaian pembayaran ansuran pokok pembiayaan atau keuntungannya, gantirugi (ta'waid) dengan kadar 1% setahun akan dikenakan ke atas tunggakan berkenaan sehingga pembiayaan tersebut dijelaskan sekiranya pembiayaan tersebut gagal dijelaskan dalam jangkamasa yang ditetapkan. Formula pengiraan gantirugi (ta'waid) dan ilustrasi adalah seperti di bawah :

### Ilustrasi

Jumlah pembiayaan diambil	RM12,000.00
Jumlah keuntungan	RM3,900.00
Tempoh pembayaran balik	60 Bulan
Kadar keuntungan	6.5%
Kadar gantirugi (Ta'waid)	1%
Ansuran pokok sebulan	RM200.00
Ansuran keuntungan sebulan	RM65.00

*Nota : Pembiayaan di atas telah tertunggak selama tiga bulan, tetapi pembiayaan tersebut tidak ditarikbalik*

Formula :

**(Ansuran pokok + Ansuran keuntungan) x 1% setahun**

x

**bilangan bulan yang tidak dijelaskan**

Contoh :

Gantirugi (Ta'waid) bagi satu bulan yang tidak dijelaskan adalah :

$$= (RM200.00 + RM65.00) \times 1\% \times 1/12 = RM0.22$$

Gantirugi (Ta'waid) yang dikenakan bagi tunggakan selama tiga bulan adalah :

$$= \text{RM}0.22 \times 3 \text{ bulan} = \text{RM}0.66$$

Maka, jumlah penuh perlu dibayar untuk menjelaskan tiga bulan ansuran tertunggak termasuk gantirugi (Ta'waid) :

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) \times 3 \text{ bulan} + \text{RM}0.66 = \\ &\text{RM}795.66 \end{aligned}$$

- 18.2.1 Sekiranya pembiayaan yang tertunggak **ditarik balik**, gantirugi (Ta'waid) adalah seperti berikut :

Formula :

**Jumlah baki pembiayaan + Jumlah baki keuntungan+ #Gantirugi (ta'waid)**

[Gantirugi (Ta'waid) = (Ansuran pokok + Keuntungan) x 1% setahun x bilangan ansuran tertunggak]

Contoh :

Berdasarkan kepada contoh di atas, adalah diandaikan bahawa

pemohon tidak pernah membayar ansurannya semenjak pembiayaan diperolehi, maka jumlah yang perlu dibayar adalah seperti berikut :

$$\begin{aligned} &= \text{RM}12,000.00 + \text{RM}3,900.00 + \text{RM}1.32\# = \\ &\text{RM}15,901.32 \end{aligned}$$

#Pengiraan Gantirugi (Ta'waid) adalah seperti berikut :

$$= (\text{RM}200.00 + \text{RM}65.00) \times 1\% / 12 \times 6 \text{ bulan} = \text{RM}1.32$$

## 19. Menangguhkan Bayaran Balik Pinjaman

## 20. Notis Bayaran Balik Tertungggak

Sekiranya terdapat kecuaian pembayaran mana-mana ansuran, Koperasi hendaklah memberi notis atau tuntutan bertulis melalui mel biasa kepada alamat terakhir peminjam/pemohon dan penjamin-penjamin, jika ada, seperti

dalam rekod Koperasi untuk menjelaskan tunggakan dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari. Sebarang notis atau tuntutan bagi pembayaran wang yang

pada masa itu kena dibayar oleh peminjam/pemohon yang ditandatangani bagi pihak Koperasi oleh mana-mana kakitangan atau anggota Lembaga atau ejennya adalah sah. Sebarang tuntutan atau notis sedemikian hendaklah disifat telah diterima pada masa surat ini boleh disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

## **21. Menarik Balik Pinjaman/Pembiayaan**

21.1 Lembaga hendaklah tarik balik segala pinjaman/pembiayaan (termasuk faedahnya/keuntungan) yang masih berbaki jika:

21.1.1 Peminjam/pemohon hilang keupayaan sebagai anggota di bawah undang-undang kecil 19 atau menarik diri sebagai anggota Koperasi ini mengikut undang-undang kecil 21 atau dibuang mengikut undang-undang kecil 22;

21.1.2 Kedudukan pekerjaan peminjam/pemohon difikir meragukan;

21.1.3 Peminjam/pemohon tidak menjelaskan yuran bulanan lebih dari tiga bulan berturut;

21.1.4 Peminjam/pemohon tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) lebih dari tiga bulan berturut.

21.1.5 Peminjam/pemohon memohon untuk atau dapatkan pendahuluan gaji atau pinjaman dari majikannya yang bayaran baliknya diurus melalui potongan gaji dan transaksi tersebut menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan Koperasi melalui potongan gaji.

21.1.6 Majikan peminjam/pemohon gagal atau enggan meneruskan potongan tersebut atas apa jua sebab.

21.2 Pinjaman/pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya hendaklah ditarik balik dengan memberi notis bertulis melalui mel biasa kepada alamat terakhir peminjam/pemohon dan penjamin atau penjamin-penjaminnya, jika ada, seperti dalam rekod Koperasi dalam jangkamasa empat belas (14) hari. Sebarang notis atau tuntutan bagi pembayaran wang yang pada masa itu kena dibayar oleh peminjam/pemohon yang ditandatangani bagi pihak Koperasi oleh mana-mana kakitangan atau anggota Lembaga atau ejennya (termasuk firma peguam yang bertindak untuk Koperasi) adalah sah. Sebarang tuntutan atau notis sedemikian hendaklah disifat telah diterima pada masa surat itu boleh disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

21.3 Sekiranya perkara menarik balik pinjaman/pembiayaan dirujukkan

kepada peguam Koperasi disebabkan peminjam/pemohon tidak menghiraukan notis atau tuntutan di bawah Aturan 21.2

peminjam/pemohon akan bertanggungjawab menjelaskan di atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Koperasi termasuk pembiayaan peguam yang dikenakan kepada Koperasi ini semasa menuntut, melakukan tindakan undang-undang dan mengutip pinjaman/pembiayaan yang ditarik balik itu dan peminjam/pemohon serta penjamin bertanggungjawab di atas pelbagai tanggungan yang berkaitan dengannya.

22. Konsesi yang diberi oleh Koperasi ini kepada peminjam/pemohon dan/atau penjamin tidak menjelaskan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи Koperasi ini.
  - 22.1 Koperasi adalah berhak mempergunakan sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang ada padanya terhadap peminjam/pemohon dan/atau penjamin pada serentak masa atau pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Koperasi dalam mana Koperasi mempunyai budibicara yang tidak terbatas.
  - 22.2 Mana-mana konsesi yang diberi kepada peminjam/pemohon dan/atau penjamin dan/atau mana-mana kegagalan atau kelewatan atau peringatan oleh Koperasi dalam mempergunakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedи yang ada padanya terhadap peminjam/pemohon dan/atau penjamin tidak akan menjelas mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedи berkenaan atau dianggap sebagai pelepasan hak, kuasa, keistimewaan atau remedи berkenaan atau dianggap permaafan terhadap sebarang pengingkaran mana-mana peruntukan Aturan-Aturan ini dan sebarang tindakan oleh Koperasi terhadap atau merujuk kepada mana-mana pengingkaran yang tersebut di atas tidak akan mempengaruhi atau menjelas mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedи Koperasi terhadap mana-mana pengingkaran yang lain atau yang berikutnya atau yang berlanjut.

### **23. Kuasa Pendedahan**

Tertakluk kepada peruntukan undang-undang Malaysia, Koperasi ini tidak boleh mendedahkan sebarang perkara dan maklumat yang mempunyai sebarang kaitan dengan satu atau lebih pinjaman/pembiayaan yang dipohon atau dikeluarkan di bawah Aturan-Aturan ini termasuk butir-butir akaun peminjam/pemohon atau penjamin dengan Koperasi ini kepada mana-mana pihak ketiga melainkan dengan kuasa bertulis yang diperolehi terlebih dahulu dari peminjam/pemohon atau penjamin ikut mana yang berkenaan. Walau bagaimanapun Koperasi ini boleh membuat pendedahan kepada mana-mana pihak ketiga, sebarang maklumat peribadi mengenai peminjam/pemohon atau

penjamin (termasuk butir-butir akaun masing-masing dengan Koperasi ini) untuk tujuan mempergunakan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedii yang ada padanya terhadap dan / atau penjamin yang ingkar

sebarang terma pinjaman/pembiayaan atau penjaminan.

## **24. Kewajipan Dan Tanggungan Penjamin**

Beban yang dipikul oleh penjamin adalah begitu berat dan termasuk kewajipan dan tanggungan yang diturunkan dalam Aturan ini.

24.1 Penjamin bersetuju BERSESAMA dan BERASINGAN sekiranya peminjam/pemohon gagal untuk menjelaskan jumlah pinjaman-pinjaman/pembiayaan-pembiayaan atau ansuran bersama dengan kadar faedah/keuntungan yang ditentukan dalam dokumen pinjaman/pembiayaan maka di atas tuntutan, BERSESAMA dan BERASINGAN akan menjelaskan jumlah pinjaman/pembiayaan atau ansuran bulanan termasuk apa jua faedah/keuntungan di atas pinjaman/pembiayaan yang bersangkutan kepada Koperasi ini atau pemegang serah hak.

24.2 Dengan menandatangani dokumen pinjaman/pembiayaan sebagai penjamin, setiap penjamin bersetuju Koperasi ini boleh menguatkuasakan dokumen pinjaman/pembiayaan berkenaan terhadap setiap penjamin seolah-olah penjamin adalah peminjam/pemohon dan Koperasi ini tidak semestinya menguatkuasakan sebarang remedinya yang lain terhadap peminjam/pemohon sebelum bertindak di bawah peruntukan ini. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada Aturan 22.2 di atas.

24.3 Penjamin bersetuju BERSESAMA dan BERASINGAN seandainya peminjam/pemohon gagal untuk menjelaskan jumlah pinjaman-pinjaman/pembiayaan-pembiayaan atau ansuran bulanan bersama dengan kadar faedah/keuntungan yang ditentukan tersebut dan apa jua perbelanjaan yang timbul akibat kegagalan tersebut, Koperasi ini boleh mendapatkan jumlah tersebut yang tertunggak di antara lain melalui potongan gaji penjamin atau yuran terkumpul penjamin. Penjamin faham dan bersetuju bahawa sebelum perkara ini dikuatkuasakan, penjamin akan diberi notis oleh Koperasi ini melalui mel biasa kepada alamat penjamin yang terakhir seperti yang tercatit dalam rekod Koperasi ini dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari.

24.4 Penjamin bagi pinjaman/pembiayaan yang belum genap tempohnya yang menerima notis dari Koperasi bahawa pinjaman/pembiayaan itu telah tertunggak berhak, dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari untuk:

24.4.1 menjelaskan secara tunai pinjaman/pembiayaan ansuran bersama dengan faedah denda/gantirugi (ta'waid) ("penalty interest") dan apa juga perbelanjaan yang timbul akibat kegagalan peminjam/pemohon sehingga genap tempoh empat

pindaan  
MAPK240705

pindaan  
MAPK240705

pindaan  
MAPK240705

belas (14) hari yang tersebut di atas; dan,

24.4.2 mengakui secara bertulis bahawa beliau bersetuju menerima baki pinjaman/pembentangan yang dijaminnya seolah-olah sebagai pinjaman/pembentangan beliau sendiri dengan bersetuju juga mengambil alih bayaran balik ansuran pinjaman/pembentangan (dengan faedah/keuntungan ansuran) itu bagi baki tempoh pinjaman/pembentangan berkenaan.

Disyaratkan bahawa jika penjamin gagal menjelaskan satu ansuran pun pada tarikhnya, Koperasi berhak, tanpa sebarang notis, bertindak atas dokumen pinjaman/pembentangan asalnya sebagai penjamin dalam dokumen pinjaman/pembentangan.

- 24.5 Sekiranya sebarang tuntutan terhadap penjamin terpaksa dirujuk kepada peguam, penjamin akan bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Koperasi ini, termasuk pembentangan peguam yang dibayai oleh Koperasi ini semasa melakukan tindakan undang-undang atau semasa menuntut kembali bayaran balik pinjaman/pembentangan serta bertanggungjawab di atas pelbagai tanggungan yang berkaitan dengannya.
- 24.6 Penjamin adalah menjamin pinjaman/pembentangan berkenaan tanpa mengambil kira jumlah yuran terkumpul peminjam/pemohon dengan Koperasi ini. Koperasi ini juga tidak perlu mendapatkan kebenaran penjamin sekiranya peminjam/pemohon menambah tanggungannya kepada Koperasi ini samada melalui pinjaman/pembentangan lain atau dengan sebarang cara.
- 24.7 Tertakluk kepada Aturan 22.2 di atas, sekiranya terdapat kecuaian pembayaran ansuran oleh peminjam/pemohon, Koperasi ini berkuasa (yang mana kuasa ini boleh dijalankan atas pilihan Koperasi semata-mata) mendapatkan bayaran kesemua jumlah pinjaman/pembentangan yang masih berbaki dengan segala bayaran tertentu yang tersebut di atas dengan serta-merta dari penjamin. Penjamin juga faham dan bersetuju bahawa sebelum perkara ini dikuatkuasakan peminjam/pemohon akan diberi notis oleh Koperasi ini melalui mel biasa kepada alamat terakhir seperti yang tercatit dalam rekod Koperasi ini dalam jangkamasa empat belas (14) hari. Sebarang notis atau tuntutan bagi pembayaran wang yang masa itu kena dibayar oleh peminjam/pemohon yang ditandatangani bagi pihak Koperasi oleh mana-mana kakitangan atau anggota Lembaga atau ejennya (termasuk firma peguam yang bertindak untuk Koperasi) adalah sah. Sebarang tuntutan atau notis sedemikian hendaklah disifat telah diterima pada masa surat itu boleh disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.
- 24.8 Koperasi boleh mengenakan bayaran kepada kos pentadbiran sebanyak Lima Puluh Ringgit (RM50.00) dan mendapatkannya dengan serta-merta daripada yuran terkumpul penjamin atau penjamin-penjamin jika berlakunya sebarang kecuaian mengenai pembayaran

ansuran pokok dan faedah pinjaman/ansuran pembiayaan tanpa sebarang rujukan. Peruntukan ini adalah tambahan dan bukan

pengganti kepada apa-apa peruntukan lain di dalam Aturan-Aturan ini.

- 24.9 Sekiranya peminjam/pemohon berhenti kerja diatas apa sebab juga, dan tidak menjelaskan baki pinjaman/pembiayaan dan faedah/keuntungan, Koperasi ini berhak mendapatkan baki pinjaman/pembiayaan dan faedah/keuntungan itu berserta dengan kos pentadbiran dari peminjam/pemohon di antara lain melalui potongan daripada gaji dan/atau yuran terkumpul penjamin.
- 24.10 Adalah menjadi tanggungjawab setiap penjamin untuk memastikan bahawa peminjam/pemohon menjelaskan setiap ansuran bayaran balik pinjaman/pembiayaan pada tarikh yang ditentukan. Adalah ditegaskan bahawa bukanlah tanggungjawab Koperasi ini untuk mendorong peminjam/pemohon bagi menjelaskan ansuran pinjamannya/pembiayaannya dan sekiranya peminjam/pemohon gagal satu ansuran bayar balik pun, Koperasi ini berhak mendapat balik ansuran pinjaman/pembiayaan (termasuk faedahnya/keuntungannya) dari satu atau lebih atau kesemua penjamin dengan mendebitkan yuran terkumpul penjamin atau dengan apa cara lain juga. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada Aturan 22.2 di atas.
- 24.11 Sekiranya pinjaman/pembiayaan dijamin oleh dua atau lebih penjamin dan Koperasi ini melepaskan satu atau lebih penjamin dari tanggungannya sebagai penjamin (samada dengan pengganti atau tidak), Koperasi ini berhak terus menguatkuasakan penjaminan berkenaan terhadap penjamin atau penjamin-penjamin yang lain serta penjamin pengganti.
- 24.12 Penjamin boleh melepaskan diri sebagai penjamin hanya dengan mengemukakan penjamin pengganti yang dapat diterima oleh Lembaga.  
Bakal penjamin pengganti hendaklah menandatangani perjanjian untuk mengganti penjamin berkenaan.

## **25. Pertukaran Alamat**

Selaras dengan peruntukan undang-undang kecil 75 setiap peminjam/pemohon dan penjamin hendaklah memberitahu Setiausaha secara bertulis akan segala pertukaran alamat rumah dan pejabatnya dan semua surat kepada peminjam/pemohon yang dihantar dengan pos atau dikirimkan kepada alamatnya yang terakhir seperti dalam rekod Koperasi hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

## **26. Penyelarasan Pinjaman/Pembiayaan Dengan Yuran Terkumpul**

### **Peminjam/pemohon**

- 26.1 Selaras dengan peruntukan undang-undang kecil 56 (10), tiada sebarang penyelarasan pinjaman/pembentangan atau baki pinjaman/pembentangan dengan modal yuran terkumpulnya dibenarkan.
- 26.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang kecil 45, Lembaga hendaklah bertanggungjawab secara bersama-sama dan berasingan bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Koperasi ini oleh sebab pelanggaran Aturan ini.

### **27. Pinjaman Bertindih/Pembentangan Bertindih**

*pindaan  
MAPK240705*

- 27.1 Permohonan bagi pinjaman bertindih/pembentangan bertindih adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga.
- 27.2 Tiada sebarang ansuran bayaran balik bagi pinjaman/pembentangan lama yang diterima oleh Koperasi ini pada atau selepas tarikh pengeluaran pinjaman/pembentangan baru akan dikembalikan secara tunai kepada peminjam/pemohon. Sebaliknya ansuran bayaran balik sedemikian akan digunakan untuk memendekkan tempoh pinjaman/pembentangan dan/atau mengurangkan ansuran bayaran pada hujung pinjaman bertindih/pembentangan bertindih.
- 27.3 Pinjaman bertindih/pembentangan bertindih adalah tertakluk kepada bayaran faedah pendahuluan/sekuriti deposit seperti diperuntukan dibawah Aturan 17.

### **28. Pinjaman/Pembentangan Kedua Dan Seterusnya**

*pindaan  
MAPK240705*

Permohonan untuk pinjaman/pembentangan kedua dan seterusnya adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga.

### **29. Pinjaman/Pembentangan Kepada Anggota Yang Berhenti Kerja Atau Bersara**

Selaras dengan undang-undang kecil 56 (5) permohonan pinjaman/pembentangan anggota yang berhenti kerja atau bersara boleh dipertimbangkan dengan syarat dia membuktikan dengan jelas keupayaannya membayar balik pinjaman/pembentangan berkenaan serta kesemua tuntutan lain yang dibuat oleh Koperasi ini kepadanya dan membuat arahan kepada banknya dalam bentuk "standing order" supaya membuat pembayaran semua ansuran bayaran bulanan terus kepada Koperasi ini. Arahan kepada bank ini tidak boleh dibatalkan selagi pinjaman/pembentangan serta

faedahnya/keuntungannya belum dijelaskan dengan penuhnya.

**30. Peminjam/Pemohon Dan Penjamin Tidak Boleh Berhenti Menjadi Anggota Koperasi**

Peminjam/Pemohon dan penjaminnya tidak boleh berhenti menjadi anggota Koperasi melainkan peminjam/pemohon menjelaskan semua baki pinjaman/pembayaran terlebih dahulu.

**31. Peminjam / Pemohon Yang Bersara Atau Berhenti Kerja Dan Tanggungan Penjaminnya**

Peminjam/Pemohon yang bersara atau berhenti kerja hendaklah menjelaskan bayaran balik pinjaman/pembayaran serta faedahnya/keuntungannya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya peminjam/pemohon sedemikian gagal menjelaskan pinjaman/pembayaran berkenaan (termasuk faedahnya/keuntungannya), Koperasi berhak mendapatkan tunggakan berkenaan serta kos-kos lain bersabit tuntutan itu dari penjamin-penjaminnya.

**32. Peminjam/Pemohon Dan Penjamin Hendaklah Mematuhi Aturan-Aturan Ini**

Peminjam/Pemohon dan penjamin hendaklah mematuhi Aturan-Aturan ini. Jika peminjam/pemohon atau penjamin gagal mematuhi mana-mana Aturan-Aturan ini setelah pinjaman/pembayaran diluluskan tetapi belum dikeluarkan, Koperasi berhak membatalkan pinjaman/pembayaran tersebut. Jika peminjam/pemohon atau penjamin gagal mematuhi mana-mana Aturan-Aturan ini setelah pinjaman/pembayaran yang masih terhutang dengan sepenuhnya termasuk faedah-faedah/keuntungan-keuntungan yang dikenakan pada sebarang tarikh dengan memberi notis secara bertulis melalui mel biasa kepada alamat terakhir peminjam/pemohon atau/dan penjamin seperti dalam rekod Koperasi dalam jangkamasa tujuh (7) hari.

**33. Pengeluaran Dokumen Pinjaman/Pembayaran**

Dokumen pinjaman/pembayaran boleh disempurnakan pada masa pemohon mengemukakan permohonan pinjamannya/pembayarannya dengan syarat bahawa dokumen tersebut hendaklah dibatalkan jika Lembaga kemudian menolak permohonan itu, atau mengurangkan/menaikkan jumlah pinjaman/pembayaran atau berlakunya sebarang perkembangan lain yang memerlukan pindaan kepada butir-butir dalam dokumen itu.

**34. Tindakan Lembaga Semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tidak Bersidang**

**35. Pindaan Kepada Aturan-Aturan**

Aturan-Aturan ini boleh dipinda oleh mesyuarat agung perwakilan dimana cadangan pindaan tersebut telah dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung perwakilan tersebut. Sebarang pindaan hendaklah berkuatkuasa dari tarikh ianya diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan.

**36. Peruntukkan Yang Menyalahi Undang-Undang**

Jika sekiranya pada bila-bila masa mana-mana peruntukkan Aturan-Aturan ini adalah atau menyalahi undang-undang, menjadi tak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana hal/bahagian, peruntukkan-peruntukkan selainnya tidak akan dengan apa cara sekalipun akan terjejas atau merosakkan oleh itu.

**37. Pinjaman Kepada Kakitangan Koperasi**

**38. Aturan Pinjaman Peribadi/Aturan Pembiayaan Peribadi**

38.1 Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi adalah pinjaman/pembiayaan untuk tujuan peribadi peminjam/pemohon.

38.2 Jumlah Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dihadkan kepada 10 kali gaji peminjam tertakluk kepada maksima RM20,000.00.

38.3 Tempoh maksima bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini ialah 84 bulan.

**39. Aturan Pinjaman 80%/Aturan Pembiayaan 80%**

39.1 Pinjaman/Pembiayaan 80% adalah pinjaman/pembiayaan yang tidak melebihi 80% daripada jumlah yuran terkumpul peminjam/pemohon dengan syarat peminjam/pemohon hendaklah mengekalkan baki yuran terkumpul yang tidak kurang dari caruman satu tahun.

- 39.2 Tempoh maksima bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini ialah 84 bulan.
- 39.3 Adalah dijelaskan bahawa pinjaman/pembiayaan ini tidak memerlukan penjamin iaitu ianya dikecualikan dari kehendak Aturan 9.

#### **40. Aturan Pinjaman Membeli Peralatan Rumah/Pembiayaan Membeli Peralatan Rumah**

- 40.1 Pinjaman Membeli Peralatan Rumah/Pembiayaan Membeli Peralatan Rumah adalah untuk pembeli peralatan bagi melengkapkan rumah tangga peminjam/pemohon sendiri sahaja dan bagi maksud Aturan ini, "peralatan" dihadkan kepada barang-barang "durable" seperti perabot dan peralatan elektrik.
- 40.2 Pembelian melalui pinjaman/pembiayaan hendaklah dilakukan melalui Koperasi ini atau dari anak syarikat Koperasi yang menjalankan perniagaan dalam bidang ini atau pembekal-pembekal yang dilantik oleh Koperasi ini.
- 40.3 Pinjaman/Pembiayaan ini adalah dihadkan kepada sepuluh bulan gaji peminjam/pemohon atau RM10,000.00 ikut mana yang kurang dan had minima pinjaman/pembiayaan hendaklah tidak kurang dari RM500.00.
- 40.4 Pinjaman/pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah dibayar terus kepada pihak pembekal.
- 40.5 Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan di bawah RM5,000.00 adalah sehingga 48 bulan, manakala pinjaman/pembiayaan sebanyak RM5,100.00 ke atas adalah sehingga 84 bulan.
- 40.6 Koperasi boleh menyediakan pinjaman/pembiayaan dari pihak ketiga.
- 40.7 Semua kos guaman, duti setem, perjanjian dan lain-lain yang berkenaan, jika ada, hendaklah ditanggung oleh peminjam/pemohon.

#### **41. Aturan Pinjaman Khas/Aturan Pembiayaan Khas**

- 41.1 Pinjaman Khas/Pembiayaan khas adalah pinjaman/pembiayaan untuk menggalakkan anggota menyertai urusniaga yang dianjurkan oleh Koperasi ini sendiri seperti pengangkutan dan pelancongan, aktiviti-aktiviti anggota sendiri untuk meningkatkan taraf ekonominya seperti perniagaan sendiri dan aktiviti-aktiviti lain yang boleh dianjurkan oleh Koperasi selaras dengan matlamatnya.
- 41.2 Pinjaman/Pembiayaan ini adalah dihadkan kepada sepuluh bulan gaji peminjam/pemohon atau RM10,000.00 ikut mana yang kurang dan

had minima pinjaman/pembiayaan hendaklah tidak kurang dari RM500.00.

- 41.3 Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini adalah sehingga 84 bulan.
- 41.4 Koperasi boleh menyediakan pinjaman/pembiayaan dari pihak ketiga.
- 41.5 Semua kos guaman, duti setem, perjanjian dan lain-lain yang berkenaan, jika ada, hendaklah ditanggung oleh peminjam/pemohon.

## **42. Aturan Pinjaman Kecemasan/Aturan Pembiayaan Kecemasan**

- 42.1 Pinjaman kecemasan/Pembiayaan kecemasan adalah pinjaman/pembiayaan kerana perkara-perkara seperti kematian, kesakitan (tidak termasuk kelahiran anak tanpa komplikasi) yang memerlukan rawatan hospital dan kemalangan-kemalangan lain yang menimpa anggota atau tanggungan mereka. "Tanggungan" bermakna suami/isteri, anak (termasuk anak angkat/tiri), ibu, bapa (termasuk ibu/bapa tiri) dan mertua (ibu/bapa).
- 42.2 Permohonan yang boleh disampaikan kepada Koperasi pada bila-bila masa hendaklah memberi butir-butir nyata yang disokong dengan dokumen yang sah.
- 42.3 Tertakluk kepada Aturan 39.3, tiada penjamin diperlukan bagi pinjaman kecemasan/pembiayaan kecemasan.
- 42.4 Jika gaji pemohon yang dinyata dalam permohonan berbeza dengan gajinya dalam rekod Koperasi, pemohon boleh mengemukakan pengesahan majikan akan perkara selepas pinjaman/pembiayaan ini dikeluarkan.
- 42.5 Jika majikan peminjam/pemohon enggan menjalankan potongan bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini atas apa jua sebab, peminjam/pemohon hendaklah menandatangani dokumen bagi menguruskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan terus kepada Koperasi sehingga pinjaman/pembiayaan dengan faedahnya/keuntungannya dijelaskan. Peminjam/Pemohon sedemikian hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya seorang anggota yang dapat diterima oleh Lembaga sebagai penjamin bagi pinjaman/pembiayaan ini. Dalam keadaan mendesak, penjamin tersebut boleh dikemukakan selepas pinjaman/pembiayaan dikeluarkan.
- 42.6 Jumlah pinjaman kecemasan/pembiayaan kecemasan hendaklah tidak melebihi RM1,000.00 dalam satu tahun atau satu bulan gaji bagi peminjam/pemohon ikut mana yang kurang.
- 42.7 Lembaga, mengikut budibicaranya, boleh dikenakan kadar

faedah/keuntungan yang minima ke atas pinjaman/pembiayaan ini.

- 42.8 Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini adalah maksima 12 bulan.
- 42.9 Mana-mana anggota Lembaga boleh meluluskan permohonan pinjaman kecemasan/pembiayaan kecemasan dengan serta-merta dan melaporkannya kepada mesyuarat Lembaga yang awal diadakan selepas kelulusan tersebut.

**43. Aturan Pinjaman Pendidikan Sekolah Menengah/Pembiayaan Pendidikan Sekolah Menengah**

- 43.1 Pinjaman Pendidikan Sekolah Menengah/Pembiayaan Pendidikan Sekolah Menengah adalah pinjaman/pembiayaan untuk membantu anggota membiayai pendidikan anak (termasuk anak angkat/tiri) hingga akhir tingkatan enam atau setaraf dengannya. Anggota boleh memohon pinjaman/pembiayaan ini hanya bagi anak yang tidak mendapatkan sebarang biasiswa atau bantuan dari mana-mana sumber lain.
- 43.2 Pinjaman/Pembiayaan ini adalah tambahan kepada pinjaman/pembiayaan lain yang diuruskan oleh Koperasi ini dan boleh dipohon walaupun pemohon ada satu atau lebih pinjaman/pembiayaan lain dengan Koperasi.
- 43.3 Jumlah pinjaman pendidikan sekolah menengah/pembiayaan pendidikan sekolah menengah hendaklah tidak melebihi RM2,000.00 atau satu bulan gaji pemohon, yang mana kurang, dalam tempoh 1hb Januari hingga 31hb Disember setiap tahun.
- 43.4 Pinjaman/Pembiayaan ini layak untuk sekali dalam setahun bagi satu keluarga.
- 43.5 Permohonan pinjaman/pembiayaan ini hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berkaitan dengan murid berkenaan seperti sijil kelahiran atau kad pengenalan dan senarai buku. Pinjaman/Pembiayaan ini hanya boleh dikeluarkan setelah semua dokumen tersebut diterima oleh Koperasi.
- 43.6 Faedah pinjaman/ keuntungan pembiayaan ini akan ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.
- 43.7 Aturan 19 tidak terpakai kepada pinjaman/pembiayaan ini iaitu tiada sebarang penangguhan bayaran balik pinjaman/pembiayaan serta faedahnya/keuntungannya dibenarkan.
- 43.8 Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan ini adalah maksima

pindaan  
MAPK240705

pindaan  
MAPK240705

sepuluh bulan.

- 43.9 Peminjam/pemohon dikehendaki membuka akaun simpanan khas dan hendaklah mencarum/menyimpan tiap-tiap bulan sehingga pinjaman/pembentukan itu selesai dibayar. Kadar caruman pada akaun simpanan khas akan ditetapkan oleh Lembaga.
- 43.10 Bagi tujuan pinjaman/pembentukan ini, satu peruntukan pusingan ("revolving fund") sebanyak RM500,000.00 hendaklah diadakan. Peruntukan ini boleh ditambah lagi dengan persetujuan mesyuarat agung perwakilan atau melalui punca kewangan lain termasuk menerima sumbangan dalam bentuk derma. Semua pulangan dari pinjaman/pembentukan ini (faedah pinjaman/keuntungan pembentukan) hendaklah disalurkan semula ke akaun pinjaman/pembentukan ini supaya aktivitinya dapat diteruskan.
- 43.11 Pinjaman/Pembentukan dari peruntukan bagi pinjaman/pembentukan ini hendaklah dikeluarkan mengikut cara dulu didahului ("first come, first serve") dan mestilah diberhentikan sebaik sahaja peruntukan habis digunakan.

#### **44. Aturan Pinjaman Pendidikan Selepas Sekolah Menengah/Pembentukan Pendidikan Selepas Sekolah Menengah**

- 44.1 Pinjaman Pendidikan Selepas Sekolah Menengah/Pembentukan Pendidikan Selepas Sekolah Menengah adalah pinjaman/pembentukan untuk membantu anggota membiayai pendidikan anak (termasuk anak angkat/tiri) diperingkat universiti, politeknik, kursus vokasional, institut kemahiran dan sebagainya. Anggota boleh memohon pinjaman/pembentukan ini hanya bagi anak yang tidak mendapatkan sebarang biasiswa atau bantuan dari mana-mana sumber lain.
- 44.2 Pinjaman/pembentukan ini adalah tambahan kepada pinjaman/pembentukan lain yang diuruskan oleh Koperasi ini dan, tertakluk kepada Aturan 7, boleh dipohon walaupun pemohon ada satu atau lebih pinjaman/pembentukan lain dengan Koperasi.
- 44.3 Jumlah pinjaman pendidikan selepas sekolah menengah/pembentukan pendidikan selepas sekolah menengah hendaklah tidak melebihi RM5,000.00 bagi setiap anggota dan jumlah pinjaman/pembentukan yang diluluskan hendaklah dikeluarkan kepada atau atas nama institusi pengajian pada masa yang ditentukan oleh institusi itu.
- 44.4 Permohonan pinjaman/pembentukan ini hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berkaitan dengan pelajar berkenaan dan pinjaman/pembentukan ini hanya boleh dikeluarkan setelah semua dokumen tersebut diterima oleh Koperasi.
- 44.5 Faedah pinjaman/keuntungan pembentukan ini akan ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

44.6.2 Pada masa memohon pinjaman/pembentukan bayaran balik bermula sebulan dari tarikh pengeluaran pinjaman/pembentukan ini. Dalam kes ini, peminjam/pemohon hendaklah membayar balik pinjaman/pembentukan tersebut berserta dengan faedahnya/keuntungannya yang dikenakan secara ansuran dalam jangkamasa tidak melebihi 36 bulan.

44.7 Sehingga Koperasi ini dapat menyediakan skim perlindungan insuran pinjaman/skim perlindungan insuran pembentukan dan/atau bank guarantee, pemohon hendaklah mengemukakan dua orang anggota yang dapat diterima oleh Lembaga sebagai penjamin. Walau bagaimanapun, bagi anggota-anggota yang potongan yuran dan bayaran balik pinjaman/pembentukan melalui ANGKASA dikekualikan dari peruntukan ini.

44.8 Peminjam/Pemohon dikehendaki membuka akaun simpanan khas dan hendaklah mencarum/menyimpan tiap-tiap bulan sehingga pinjaman/pembentukan itu selesai dibayar. Kadar caruman pada akaun simpanan khas akan ditetapkan oleh Lembaga.

44.9 Lembaga mempunyai kuasa penuh untuk menetapkan cara pemerosesan permohonan pinjaman/pembentukan ini termasuk kuasa untuk mengenakan sebarang syarat lain pada pinjaman/pembentukan di bawah skim ini.

44.10 Bagi tujuan pinjaman/pembentukan ini, satu peruntukan pusingan ("revolving fund") sebanyak RM500,000.00 hendak diadakan. Peruntukan ini boleh ditambah lagi dengan persetujuan mesyuarat agung perwakilan atau melalui punca kewangan lain termasuk menerima sumbangan dalam bentuk derma. Semua pulangan dari pinjaman/pembentukan ini (faedah pinjaman/keuntungan pembentukan) hendaklah disalurkan semula ke akaun pinjaman/pembentukan ini supaya aktivitinya dapat diteruskan.

44.11 Pinjaman/Pembentukan dari peruntukan bagi pinjaman/pembentukan ini hendaklah dikeluarkan mengikut cara dulu didahului ("first come, first serve") dan mestilah diberhentikan sebaik sahaja diperuntukan habis digunakan.

**45. Aturan Pinjaman Peribadi/Pembentukan Peribadi Tanpa Cagaran ("PPTC")**

**45.1 Takrif**

PPTC ialah pinjaman/pembentukan yang disediakan oleh Koperasi dari

#### 45.2 Kelayakan

pindaan  
MAPT250606

- (i) Tertakluk kepada peruntukan lain dalam Aturan ini, anggota yang telah diterima masuk menjadi anggota dan telah menyempurnakan bayaran 50 saham adalah layak untuk memohon kemudahan PPTC. Disyaratkan anggota baru boleh menjelaskan bayaran 50 saham dengan membenarkan Koperasi memotong jumlah harga 50 saham dari jumlah PPTC yang diluluskan.
- (ii) anggota adalah layak memohon PPTC hanya jika mereka memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Umur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 54 tahun di akhir tempoh PPTC.
  - (c) Anggota-anggota yang majikan/BPA mereka telah mempunyai jentera pungutan yang sedia terjalin dengan Koperasi ini dan anggota tersebut mestilah dalam perkhidmatan tetap atau telah disahkan dalam perkhidmatan dengan majikan tersebut sekurang-kurangnya 12 bulan.
  - (d) Ansuran bulanan PPTC mestilah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan jumlah keseluruhan potongan termasuk potongan PPTC hendaklah tidak melebihi 50% daripada gaji tetap (termasuk elaun tetap) anggota yang bergaji bulanan sebanyak Ringgit Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00) tertakluk kepada tambahan jumlah potongan sebanyak 25% lagi di mana ianya untuk membayar balik pinjaman perumahan.
  - (e) Ansuran bulanan PPTC mestilah tidak melebihi 1/3 daripada gaji tetap dan jumlah keseluruhan potongan termasuk potongan PPTC hendaklah tidak melebihi 60% daripada gaji tetap (termasuk elaun tetap) anggota yang gaji bulanannya melebihi Ringgit Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500.00) tertakluk kepada tambahan jumlah potongan sebanyak 15% lagi di mana ianya untuk membayar balik pinjaman perumahan.
  - (f) Menerima gaji bulanan minimum sebanyak RM300.00.
  - (g) Sehingga Koperasi dapat menyediakan skim perlindungan insurans pinjaman dan/atau bank guarantee, pemohon PPTC hendaklah mengemukakan bilangan penjamin yang dicadangkan dan diterima oleh

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

- pihak pemberi PPTC.
- (h) Peminjam/Pemohon dan penjamin hendaklah bukan dari kalangan tanggungan, anak atau ibu bapa mana-mana kakitangan atau pengarah pihak pemberi pinjaman/pembentukan.
- (i) Kesemua PPTC dengan pihak pemberi pinjaman/pembentukan yang diberi atau dijamin oleh anggota Koperasi ini atau oleh penjamin perseorangan hendaklah tidak melebihi ringgit Empat Puluh Ribu (RM40,000.00) pada bila-bila masa.

#### 45.3 Permohonan PPTC

- (a) Permohonan untuk mendapatkan PPTC hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Koperasi ini dan hendaklah dikembalikan setelah dipenuhi.
- (b) Koperasi mempunyai hak dan budi bicara sama ada hendak memajukan atau tidak permohonan PPTC kepada institusi kewangan.

#### 45.4 Bayaran Proses Permohonan

pindaan  
MAPT250606

Anggota yang memohon untuk PPTC hendaklah membayar bayaran proses permohonan mengikut kadar yang ditetapkan tertakluk kepada maksima RM200.00. Bayaran proses ini boleh dipotong dari jumlah PPTC yang diluluskan.

#### 45.5 Jaminan

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

#### Tertakluk kepada Aturan 45.11

- (a) Koperasi tidak akan menjamin PPTC dengan cara apa jua sekalipun dan institusi kewangan yang mengeluarkan PPTC tidak boleh menggunakan yuran terkumpul anggota dengan Koperasi ini sebagai cagaran kepada PPTC.
- (b) Koperasi tidak akan bertanggungjawab dengan apa cara jua sekali pun jika sekiranya PPTC tidak dibayar oleh peminjam/pemohon disebabkan hilang pekerjaan atau sebab-sebab lain.
- (c) Sehingga Koperasi dapat menyediakan skim perlindungan insurans pinjaman/pembentukan dan/atau bank guarantee pemohon PPTC hendak mengemukakan bilangan penjamin yang dicadangkan dan diterima oleh pihak pemberi PPTC.

pindaan  
MAPT250606

#### 45.6 Amaun PPTC

Jumlah minima pinjaman/pembiayaan yang diberikan sebagai PPTC ialah sebanyak RM500.00 dan jumlah maksima sebanyak RM20,000.00.

pindaan  
MAPT250606

#### 45.7 Tempoh

Tempoh PPTC adalah sama ada 12 bulan, 24 bulan 36 bulan, 48 bulan, 60 bulan, 72 bulan atau 84 bulan.

pindaan  
MAPT250606

#### 45.8 Faedah/keuntungan

pindaan  
MAPT250606

(a) Faedah/keuntungan yang dikenakan kepada PPTC hendaklah mengikut perjanjian antara Koperasi dengan pihak ketiga dan adalah tidak tertakluk kepada kenaikan pertukaran dalam tempoh PPTC. Faedah denda / gantirugi ta'wid seperti ditentukan dalam dokumen pinjaman/pembiayaan akan dikenakan terhadap mana-mana bayaran balik pinjaman/pembiayaan dibuat tidak di dalam masa yang ditetapkan.

pindaan  
MAPT250606

(b) Anggota yang ingin mendapatkan PPTC bersetuju membayar dua ansuran bulanan sebagai sekuriti deposit. Koperasi ini boleh memotong jumlah pembiayaan sebelum ianya dibayar kepada peminjam/pemohon. Disyaratkan bahawa sebarang lebihan potongan tidak akan dipulangkan kembali kepada peminjam/pemohon tetapi akan digunakan untuk mengubah suaikan ansuran bayaran balik pinjaman/pembiayaan dan/atau tempoh pinjaman/pembiayaan.

#### 45.9 Bayaran Balik PPTC

pindaan  
MAPT250606

(a) Peminjam/Pemohon akan membayar secara ansuran bulanan pokok dan faedah dalam tempoh PPTC. Bayaran balik tertakluk kepada perjanjian PPTC dan hendaklah dibayar pada tiap-tiap bulan melalui jentera pungutan Koperasi iaitu Koperasi akan mengutip ansuran bayaran balik PPTC melalui potongan gaji peminjam/Pemohon oleh majikan di mana akan dibayar kepada Koperasi di atas nama Koperasi.

(b) Tidak sebarang pengurangan atau penangguhan ansuran bayaran balik dibenarkan semasa PPTC berjalan.

(c) PPTC tidak boleh diselaraskan dengan yuran terkumpul anggota.

#### 45.10 Cara Bayaran Balik PPTC

Anggota yang ingin mendapat PPTC hendaklah memberi kuasa kepada majikannya membuat potongan dari gaji bulanan

mereka terhadap ansuran bulanan, dan majikan hendaklah bersetuju membayar potongan tersebut kepada Koperasi. Dalam melakukan potongan tersebut, majikan berkenaan adalah berfungsi sebagai agen peminjam/pemohon PPTC.

45.11 Tabung Perlindungan Pinjaman Koperasi

Anggota yang ingin mendapat PPTC hendaklah memberi kuasa kepada Koperasi ini supaya memotong amaun seperti yang dinyatakan dalam aturan 8.2 dari jumlah PPTC yang diluluskan bagi tujuan Tabung Perlindungan Pinjaman/pembentukan yang ditubuhkan di bawah Aturan 45.11 untuk menjelaskan baki PPTC jika sekiranya peminjam/pemohon meninggal dunia dalam tempoh PPTC tersebut.

45.12 Bayaran Cukai Setem Dan Sebagainya

Anggota yang ingin mendapat PPTC hendaklah memberi kuasa kepada Koperasi ini supaya memotong cukai setem dan sebagainya atas dokumen pinjaman/pembentukan

45.13 Peminjam/Pemohon / Penjamin PPTC Tidak Boleh Berhenti Menjadi Anggota Koperasi

Seseorang peminjam/Pemohon /penjamin PPTC tidak boleh berhenti dari menjadi anggota Koperasi sehingga PPTC itu dijelaskan dan/atau tanggungannya sebagai penjamin PPTC dihapuskan. Penjamin tidak boleh membebaskan diri dengan cara mengemukakan penjamin baru untuk mengantikannya.

45.14 Am

(a) Koperasi akan mengutip ansuran bayaran balik PPTC melalui potongan gaji peminjam/pemohon oleh majikan di mana akan dibayar kepada Koperasi ini di atas nama Koperasi ini.

(b) Koperasi akan menanggung apa jua kerugian yang dialami oleh institusi kewangan disebabkan oleh kecuaian sama ada disengajakan atau tidak, penipuan atau ketidakjujuran oleh Lembaga, pegawai, pekerja, agen atau lain-lain pekerja Koperasi dengan apa cara sekali pun.

(c) Koperasi mempunyai hak dan budibicara sama ada hendak memajukan atau tidak permohonan PPTC kepada institusi kewangan.

45.15 Perjanjian Peminjam/Pemohon

Peminjam iaitu anggota yang memohon pembiayaan adalah berjanji seperti berikut iaitu bersetuju:

pindaan  
MAPT250606

- (a) untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan tersebut berserta faedah/keuntungan yang dikenakan secara ansuran bulanan di dalam jangkamasa yang kesemuanya ini diperincikan di dalam Jadual Pertama perjanjian PPTC. Faedah/Keuntungan yang dikenakan kepada PPTC (selepas ini disebut sebagai "kadar faedah/keuntungan yang ditentukan") adalah seperti tercatat dalam jadual Pertama Perjanjian PPTC. Kadar yang ditentukan bagi faedah/keuntungan ke atas PPTC adalah tidak tertakluk kepada kenaikan pertukaran dalam tempoh PPTC. Jangka masa atau tempoh bayaran balik ansuran pinjaman/pembiayaan (termasuk faedah/keuntungan) adalah selepas ini disebut sebagai ("tempoh tersebut").
- (b) memberi kebenaran kepada Koperasi ini menguruskan bayaran ansuran bulan tersebut menerusi potongan gaji sebelum gaji tersebut dibayar kepada peminjam/pemohon.
- (c) memberi kuasa kepada ketua jabatan/Majikan peminjam/pemohon untuk melakukan potongan dari gaji bulanan peminjam/pemohon sehingga pinjaman/pembiayaan serta faedah/keuntungannya dijelaskan dengan sepenuhnya (selepas ini disebut sebagai "kuasa menjalankan potongan tersebut"). Peminjam/pemohon juga bersetuju menandatangani penyata gaji untuk jumlah yang sepenuhnya dari gaji bulanan peminjam/pemohon, seolah-olah potongan ini tidak dilakukan dan memperakui bahawa kuasa ini tidak boleh ditarik balik melainkan dengan kebenaran secara bertulis daripada Koperasi ini. Dalam menguruskan potongan tersebut, majikan adalah bertindak sebagai agen peminjam/pemohon. Jika peminjam/pemohon, tanpa terlebih dahulu memperolehi persetujuan bertulis dari Koperasi ini, tarik balik kuasa menjalankan potongan tersebut sebelum genapnya tempoh tersebut, Koperasi ini boleh mendapatkan perintah mahkamah supaya memerintah peminjam/pemohon mengeluarkan kepada majikannya satu lagi kuasa untuk menjalankan potongan tersebut bagi baki tempoh tersebut (selepas ini disebut sebagai "perintah mahkamah tersebut"). Dan peminjam juga bersetuju secara khusus, Koperasi ini boleh, dalam perintah mahkamah tersebut. Peruntukkan ini adalah tambahan dan bukan sebagai/ganti sebarang peruntukkan lain dalam Perjanjian Peminjam/pemohon yang termaktub dalam Aturan ini.
- (d) bersetuju membayar sekuriti deposit sebanyak dua

pindaan

ansuran bulanan. Koperasi ini boleh memotong sekuriti deposit dari jumlah pinjaman/pembiayaan sebelum

ianya dibayar kepada peminjam/pemohon. Disyarat bahawa sebarang ansuran bulanan pinjaman /pembiayaan yang terlebih potong tidak akan dipulangkan kembali kepada peminjam/pemohon tetapi akan digunakan untuk mengubahsuaiakan ansuran bayaran balik pinjaman/pembiayaan dan/atau tempoh pinjaman/pembiayaan.

*pindaan  
MAPT250606*

- (e) jika setelah potongan dijalankan, majikan peminjam /pemohon enggan atau gagal meneruskan potongan daripada gaji peminjam/pemohon untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan atau ansuran bulanan tersebut, peminjam/pemohon akan membuat bayaran tunai secara langsung kepada Koperasi ini setiap bulan sehingga pinjaman/pembiayaan ini dibayar dengan sepenuhnya.

*pindaan  
MAPT250606*

- (f) membayar faedah/keuntungan pada pinjaman/pembiayaan tersebut pada kadar yang ditentukan di dalam Jadual Pertama Perjanjian PPTC dan akan berkuatkuasa dari tarikh yang tersebut dalam Jadual Pertama Perjanjian PPTC.

*pindaan  
MAPT250606*

- (g) sekiranya terdapat kecuaian pembayaran ansuran dan faedah/keuntungannya, bersetuju membayar faedah denda/gantirugi ta'wid dengan kadar yang ditentukan dalam Jadual Pertama Perjanjian PPTC ke atas tunggakan tersebut di atas kuasanya.

*pindaan  
MAPT250606*

- (h) membayar kadar faedah denda/gantirugi ta'wid dengan kadar yang ditentukan dalam Jadual Pertama Perjanjian PPTC ke atas baki terhutang sehingga pinjaman/pembiayaan tersebut dijelaskan dengan sepenuhnya sekiranya pinjaman/pembiayaan tersebut gagal dijelaskan di dalam jangkamasa yang ditetapkan.

*pindaan  
MAPT250606*

- (i) bahawa baki hutang yang dimaksudkan di atas, adalah termasuk faedah/keuntungan yang ditentukan di dalam Jadual Pertama Perjanjian PPTC, pembiayaan peguam dan pelbagai tanggungan yang lain.

*pindaan  
MAPT250606*

- (j) sekiranya perkara ini dirujukkan kepada peguam, peminjam/pemohon dengan ini bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang mengeluarkan PPTC termasuk pembiayaan peguam yang dikenakan kepada institusi tersebut ini semasa melakukan pendakwaan atau semasa menuntut kembali bayaran balik pinjaman /pembiayaan peminjam /pemohon juga

bertanggungjawab di atas pelbagai tanggungan yang berkaitan dengannya.

- (k) mematuhi "Aturan-Aturan Bagi Menjalankan Aktiviti Pinjaman/pembentukan" ("Aturan-Aturan") Koperasi ini dan sekiranya beliau gagal mematuhi "Aturan-Aturan" tersebut setelah pinjaman telah diluluskan/dikeluarkan/diberikan, maka institusi kewangan berhak menarik balik kesemua baki pinjaman/pembentukan yang masih berhutang dengan sepenuhnya termasuk faedah-faedah/keuntungan tambahan yang dikenakan pada sebarang tarikh dengan memberi notis secara bertulis melalui mel biasa kepada alamat terakhir peminjam/pemohon seperti dalam rekod Koperasi ini/institusi kewangan dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari.

- (l) sekiranya terdapat kecuaian pembayaran ansuran, institusi kewangan yang memberi PPTC ini berkuasa (yang mana kuasa ini boleh dijalankan atas pilihan institusi kewangan tersebut semata-mata) mendapatkan bayaran kesemua jumlah pinjaman/pembentukan yang masih berbaki dengan segala bayaran-bayaran tertentu yang disebut di atas dengan memberi notis bertulis melalui mel biasa kepada alamat terakhir peminjam/pemohon seperti dalam rekod Koperasi atau institusi kewangan tersebut dalam jangkamasa tiga puluh (30) hari. Sebarang tuntutan atau notis bagi pembayaran wang yang pada masa itu kena dibayar oleh peminjam/pemohon yang ditandatangani bagi pihak institusi kewangan tersebut oleh mana-mana pegawainya (pengarah, kakitangan) atau agennya (termasuk peguam atau firma guaman yang bertindak untuk institusi kewangan tersebut) adalah sah. Sebarang tuntutan atau notis sedemikian hendaklah disifat telah diterima pada masa surat itu boleh disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

- (m) untuk memberitahu pihak Koperasi dan institusi kewangan yang memberi PPTC ini jika berlaku pertukaran alamat pejabat atau rumah peminjam/pemohon.

- (n) institusi kewangan yang memberi PPTC ini boleh mengenakan bayaran kepada kos pentadbiran sebanyak RM50.00 (Ringgit Lima Puluh Sahaja) terhadap setiap tuntutan yang terpaksa dibuatnya jika berlaku sebarang kecuaian mengenai pembayaran ansuran bulanan tanpa sebarang rujukan.

- (o) sekiranya peminjam/pemohon berhenti kerja di atas apa sebab juga, baki pinjaman/pembentukan (termasuk faedah/keuntungan) boleh didapatkan balik dari majikan

peminjam/pemohon melalui potongan dari gaji terakhir peminjam/pemohon dan sebarang ganjaran/pampasan

yang peminjam/pemohon layak terima dari majikannya.

(p) jika sekiranya pada bila-bila masa mana-mana peruntukan adalah atau menyalahi undang-undang, menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana hal/bahagian, peruntukan-peruntukan selainnya tidak akan dengan apa cara sekalipun akan terjejas atau merosakkan oleh kerana itu.

(q) tidak sebarang pengurangan atau penangguhan ansuran bayaran balik dibenarkan semasa PPTC berjalan.

(r) oleh kerana modal yuran anggota tidak dijadikan cagaran bagi PPTC, tidak sebarang penyelarasan dengan modal yuran dibenarkan.

(s) memberi kuasa kepada Koperasi ini supaya memotong amaun seperti yang dinyatakan dalam aturan 8.2 dari jumlah PPTC yang diluluskan bagi tujuan Tabung Perlindungan Pinjaman/Pembayaran yang ditubuhkan di bawah Aturan 8 untuk menjelaskan baki PPTC jika sekiranya peminjam/pemohon meninggal dunia dalam tempoh PPTC tersebut.

(t) memberi kuasa kepada Koperasi ini supaya memotong cukai setem dan sebagainya atas dokumen pinjaman/pembayaran.

(u) tidak boleh berhenti dari menjadi anggota Koperasi sehingga PPTC itu dijelaskan.

(v) dalam menghitung faedah/keuntungan atas pinjaman /pembayaran, pecahan dalam sebulan hendaklah dihitung sebagai genap sebulan. Dalam semua kes pinjaman/pembayaran, faedah/keuntungan akan dikenakan mengikut Aturan 16.7 sekiranya peminjam/pemohon hendak menjelaskan kesemua pinjaman/pembayarannya.

(w) tidak akan memohon, tanpa persetujuan bertulis dari Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad, sebarang pendahuluan gaji dan pinjaman/pembayaran dari majikannya (pinjaman/pembayaran hari perayaan agama dan sebagainya) atau sebarang pinjaman/pembayaran lain yang bayaran baliknya diuruskan melalui potongan gaji sehingga pinjaman/pembayaran yang dipohon ini (termasuk faedah/keuntungan) telah dijelaskan dengan sepenuhnya. Peminjam/pemohon juga bersetuju

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pindaan  
MAPT250606

pinjaman/pembayaan ini atau baki pinjaman /pembayaan ini boleh ditarik balik dengan serta merta jika peminjam melanggar peruntukkan ini.

pindaan  
MAPT250606

- (x) Dimansuhkan

pindaan  
MAPT250606

- (y) Pinjaman/Pembayaan boleh diserah hak oleh institusi kewangan kepada mana-mana pihak (termasuk Koperasi ini) tanpa sebarang rujukan kepada peminjam/pemohon.

pindaan  
MAPT250606

- (z) Sebarang syarat lain yang terkandung dalam dokumen pinjaman/pembayaan.

pindaan  
MAPT250606

#### 45.16 Perjanjian Penjamin

Penjamin iaitu anggota yang menjamin PPTC adalah berjanji, seperti berikut iaitu bersetuju:

pindaan  
MAPT250606

- (a) sekiranya peminjam/pemohon gagal untuk menjelaskan jumlah PINJAMAN/PEMBIAYAAN ATAU ANSURAN BULANAN bersama kadar faedah/keuntungan yang ditentukan dalam jadual pertama Perjanjian PPTC maka di atas tuntutan, akan menjelaskan jumlah PINJAMAN/PEMBIAYAAN ATAU ANSURAN termasuk apa jua faedah/keuntungan di atas PPTC.

pindaan  
MAPT250606

- (b) bahawa dengan ia menandatangani Perjanjian PPTC, institusi kewangan boleh menguatkuasakan Perjanjian PPTC terhadap penjamin seolah-olah penjamin adalah Peminjam/Pemohon dan institusi kewangan tidak semestinya menguatkuasakan sebarang remedinya yang lain terhadap peminjam/pemohon sebelum bertindak di bawah Peruntukkan ini. Peruntukkan ini adalah tertakluk kepada Aturan 45.16 (c) (ii).

pindaan  
MAPT250606

- (c) BERSETUJU seandainya peminjam/pemohon gagal untuk menyelesaikan jumlah PINJAMAN/PEMBIAYAAN ATAU ANSURAN BULANAN bersama dengan kadar faedah/keuntungan yang ditentukan dan apa juga perbelanjaan yang timbul akibat kegagalan tersebut, institusi kewangan boleh mendapatkan jumlah tersebut yang tertinggak di antara lain melalui potongan gaji penjamin. Penjamin juga faham dan bersetuju bahawa sebelum perkara ini dikuatkuasakan, penjamin akan diberi notis oleh institusi kewangan melalui mel biasa kepada alamat penjamin yang terakhir seperti yang tercatit dalam rekod Koperasi Jimat Cermat dan Pinjaman Mercantile Berhad dalam jangkasama empat belas (14) hari.

Walau bagaimanapun, penjamin bagi pinjaman /pembiayaan yang belum genap tempohnya, berhak

dalam tempoh masa empatbelas (14) hari untuk:

- (i) Menjelaskan bayaran pinjaman/pembiayaan ansuran bersama faedah denda/gantirugi ta'wid ("penalty interest") dan apa juga perbelanjaan yang timbul akibat kegagalan peminjam/pemohon sehingga genap tempoh empat belas (14) hari yang tersebut di atas, dan
- (ii) mengakui secara bertulis bahawa beliau bersetuju menerima baki pinjaman/pembiayaan yang dijaminnya seolah-olah sebagai pinjaman beliau sendiri dengan bersetuju juga mengambil alih bayaran balik ansuran bulanan itu bagi baki tempohnya.

Disyaratkan bahawa jika penjamin gagal menjelaskan satu ansuran pun pada tarikhnya, institusi kewangan berhak, tanpa sebarang notis, bertindak atas perjanjian asalnya sebagai penjamin.

- (d) sekiranya perkara ini dirujukkan kepada Peguam, penjamin bertanggungjawab di atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan, termasuk pembiayaan peguam yang dibiayainya semasa melakukan pendakwaan atau semasa menuntut kembali bayaran balik pinjaman/pembiayaan serta bertanggungjawab di atas pelbagai tanggungan yang berkaitan dengannya.

- (e) tertakluk kepada Aturan 45.16 (c) (ii) diatas, sekiranya terdapat kecuaian pembayaran ansuran oleh peminjam/pemohon, institusi kewangan berkuasa (yang mana kuasa ini boleh dijalankan atas pilihan institusi kewangan ini semata-mata) mendapatkan bayaran kesemua jumlah pinjaman/pembiayaan yang masih berbaki dengan segala bayaran tertentu yang tersebut di atas dengan serta merta dari penjamin. Penjamin juga faham dan bersetuju bahawa sebelum perkara ini dikuatkuasakan penjamin akan diberi notis oleh institusi kewangan melalui mel biasa kepada alamat penjamin yang terakhir seperti yang tercatit dalam rekod Koperasi ini dalam jangkasama tiga Puluh (30) hari. Sebarang tuntutan atau notis kepada penjamin bagi pembayaran wang yang pada masa itu kena dibayar oleh Peminjam/Pemohon yang ditandatangani bagi pihak institusi kewangan ini oleh mana-mana pegawainya (pengarah, kakitangan) atau ejennya (termasuk peguam atau firma guaman yang bertindak untuk institusi kewangan) adalah sah. Sebarang tuntutan atau notis

pindaan  
MAPT250606

sedemikian hendaklah disifat telah diterima pada masa surat itu boleh disampaikan mengikut perjalanan biasa pos.

- (f) untuk memberitahu pihak Koperasi ini dan institusi kewangan ini jika berlaku pertukaran alamat pejabat atau rumahnya.
- (g) Sekiranya peminjam/pemohon berhenti kerja di atas apa sebab juga, dan tidak menjelaskan baki pinjaman/pembayaran dan faedah/keuntungan, institusi kewangan boleh mendapatkan baki pinjaman /pembayaran dan faedah/keuntungan itu berserta dengan kos pentadbiran dari penjamin di antara lain melalui potongan daripada gaji.
- (h) adalah menjadi tanggungjawab penjamin untuk memastikan bahawa peminjam/pemohon menjelaskan setiap ansuran bulanan balik pada tarikh yang ditentukan.
- (i) bukanlah menjadi tanggungjawab penjamin untuk memastikan bahawa peminjam menjelaskan setiap ansuran bayaran balik pada tarikh yang ditentukan.
- (j) jika sekiranya pada bila-bila masa mana-mana peruntukkan adalah atau menyalahi undang-undang, menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di dalam mana-mana hal/bahagian, peruntukkan-peruntukkan selainnya tidak akan dengan apa cara sekalipun akan terjejas atau merosakkan oleh kerana itu.
- (k) tidak boleh berhenti dari menjadi anggota Koperasi sehingga tanggungannya sebagai penjamin PPTC dihapuskan dan tidak boleh membebaskan diri dengan cara mengemukakan penjamin baru untuk mengantikannya.
- (l) pinjaman/pembayaran boleh diserah hak oleh institusi kewangan kepada mana-mana pihak (termasuk Koperasi ini) tanpa sebarang rujukan kepada penjamin.
- (m) Sebarang syarat lain yang terkandung dalam dokumen pinjaman/pembayaran.

pindaan  
MAPT250606

#### **46. Aturan Pinjaman/Pembayaran Perlindungan Insurans Dan Cukai Jalan Kenderaan**

pindaan

46.1 Pinjaman/Pembayaran ini memberikan kemudahan kepada anggota

- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- bagi membantu anggota memperbaharui perlindungan insurans dan cukai jalan kenderaan
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.2 Pembelian polisi insurans melalui pinjaman/pembiayaan ini hendaklah diuruskan melalui Koperasi ini atau ejen-ejen yang dilantik oleh Koperasi ini.
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.3 Pinjaman/pembiayaan ini adalah dihadkan kepada RM2,000.00 atau mengikut nilai premium yang mana kurang dan had minima pinjaman/pembiayaan ini hendaklah tidak kurang dari RM500.00.
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.4 Pinjaman/pembiayaan yang telah diluluskan hendaklah dibayar terus kepada pihak insurans yang dilantik oleh Koperasi ini.
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.5 Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan tidak melebihi 10 bulan.
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.6 Koperasi boleh menyediakan pinjaman/pembiayaan ini daripada pihak ketiga.
- MAPT250606*  
*pindaan*  
*MAPT250606*
- 46.7 Semua kos guaman, duti setem perjanjian dan lain-lain yang berkenaan jika ada, hendaklah ditanggung oleh pemohon sendiri.